



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

BILANGAN 2/2024

MEI – OGOS 2024

ISSN : 3030-6418

eISSN 3030-6418



eBulletin

PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNA SAMA



©Perpustakaan Negara Malaysia 2024

Hak cipta terpelihara Perpustakaan Negara Malaysia 2024. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.



Sidang Redaksi

eBuletin

Perpustakaan Khusus Guna Sama

Penaung

YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab

Ketua Editor

Encik Mohd Azmi bin Aziz

Editor

Dr Adam Zulkarnain bin Saleng

Koordinator Penerbitan

Puan Maiyumi binti Ahmat

Encik Mohd Hisham bin Daud

Encik Mohd Hafiz bin Salim

Penolong Koordinator Penerbitan

Puan Fazlina binti Fauzi

Puan Khairul Asma binti Ghani

Puan Sayani binti Ismail

Puan Nur Zuhaida Izwani binti Zambri

Puan Sanisah binti Baharudin

Diterbitkan oleh:

Perpustakaan Negara Malaysia

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan

Aras 14, Menara PNM

232, Jalan Tun Razak

50572 Kuala Lumpur

(eBuletin diterbitkan tiga (3) kali setahun)



+603-2687 1700



www.pnm.gov.my



PerpustakaanNegaraMalaysia



PNM_Rasmi



pnm_rasmi



pnmytube



PNMRasmi



pnm_rasmi

ISI K A N D U N G A N

LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA
PENGARAH KE NEGERI KELANTAN

1

LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA PENGARAH
KE NEGERI TERENGGANU

2

MESYUARAT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN
KHUSUS GUNA SAMA KUMPULAN
PELAKASANA TAHUN 2024

3

MESYUARAT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN
KHUSUS GUNA SAMA KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL TAHUN
2024

4

LAWATAN KHIDMAT NASIHAT KE
PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNA SAMA 2024

5

LAWATAN KHIDMAT PERUNDINGAN KE
PERPUSTAKAAN AGENSI KERAJAAN &
SWASTA 2024

6

SEGMENT FOKUS PERPUSTAKAAN

8-12

- KOLEJ TUNKU KHURSIAH
- PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL (IPNCPD)
- JABATAN LAUT MALAYSIA
- KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM
- INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA LUMPUR

TINTA PUSTAKAWAN

14-16

- BAGAIMANA MENJADI PUSTAKAWAN AKADEMIK POLITEKNIK YANG HEBAT
- PERPUSTAKAAN DAN KELESTARIAN ALAM

PENULISAN ARTIKEL TERPILIH

17-18

- NAVIGATING THE DREAMSCAPE: EXAMINING THE RELIABILITY OF DREAM INTERPRETATIONS
- PENILAIAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN PUSAT SUMBER IPGK PEREMPUAN MELAYU: SATU KAJIAN TINJAUAN

LAWATAN KERJA YBRS. TKP PNM BERSAMA PEGAWAI PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNA SAMA DI NEGERI KELANTAN TAHUN 2024

YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah (TKP) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengambil peluang untuk membuat lawatan kerja dengan mengadakan pertemuan bersama Pegawai Kader PNM yang berkhidmat di Perpustakaan Khusus Guna Sama (PKG) sekitar negeri Kelantan semasa menghadiri Bicara Bahasa Kolokial "Melestari Keberdayaan Bahasa Komuniti: Cakno Loghat Kelate" anjuran Arkib Negara Malaysia pada 5 Mac 2024 (Selasa) bertempat di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan.



Lawatan kerja ini telah dihadiri bersama oleh Encik Mohd Azmi bin Aziz, Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat (PIM) dan Dr. Adam Zulkarnain bin Saleng, Timbalan Pengarah Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) yang telah diadakan pada 5 hingga 6 Mac 2024 bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu.

Tujuan lawatan kerja ini dilaksanakan adalah untuk mengadakan sesi pertemuan secara dua hala, berkongsi idea dan cadangan yang membina antara kedua-dua belah pihak di samping memperkasa serta mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan di agensi masing-masing dengan lebih efisien.

Tedapat 14 buah Perpustakaan Khusus Guna Sama di Negeri Kelantan dengan kekuatan perjawatan iaitu lima (5) orang pegawai dan 29 orang Kumpulan Pelaksana.



LAWATAN KERJA YBRS. TKP PNM BERSAMA PEGAWAI PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNA SAMA DI NEGERI TERENGGANU TAHUN 2024

YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah (TKP) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengambil peluang untuk membuat lawatan kerja bersama Pegawai Kader PNM yang berkhidmat di Perpustakaan Khusus Guna Sama di sekitar Kuala Terengganu semasa menghadiri Program Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Terengganu pada 2 hingga 5 Mei 2024 di Pantai Teluk Ketapang, Kuala Nerus, Terengganu anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Lawatan kerja ini telah dihadiri bersama oleh Encik Mohd Hafiz bin Salim, Penolong Pengarah, Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) yang telah diadakan pada 5 Mei 2024.

Tujuan lawatan kerja ini dilaksanakan adalah untuk mengadakan sesi pertemuan secara dua hala, berkongsi idea dan cadangan yang membina antara kedua-dua belah pihak di samping memperkasa serta mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan di agensi masing-masing dengan lebih efisien. Sebanyak 22 buah Perpustakaan Khusus Guna Sama di Negeri Terengganu dengan kekuatan perjawatan iaitu empat (4) orang pegawai dan 37 orang Pelaksana. Seramai 24 Pegawai Perpustakaan Khusus Guna Sama di Negeri Terengganu hadir pada 5 Mei 2024 yang diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu.



MESYUARAT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNA SAMA BAGI KUMPULAN PELAKSANA TAHUN 2024



Seramai 147 kader Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bagi Kumpulan Pelaksana yang hadir ke Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Guna Sama pada 27 Jun 2024 yang bertempat di Hotel Ancasa, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM dan dihadiri oleh Pegawai PNM Encik Mohd Azmi bin Aziz, Puan Norhayati binti Manan, YBrs. Dr. Adam bin Zulkarnain dan Puan Junaidah binti Rosliy.



MESYUARAT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNA SAMA BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL TAHUN 2024



Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Guna Sama Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional Tahun 2024 telah dilaksanakan pada 26 Ogos 2024 (Isnin) di Hotel Ancasa, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 124 orang Pustakawan dari seluruh Malaysia.



Mesyuarat ini adalah yang terakhir dipengerusikan oleh YBr. Ketua Pengarah PNM kerana akan bersara wajib pada 1 Disember 2024.



LAWATAN KHIDMAT NASIHAT

KE PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNA SAMA 2024 (JANUARI - OGOS 2024)



- Khidmat Pengurusan Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Putrajaya
- Bahagian Undang-Undang Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur
- Pusat Latihan Armor TD (PULAMOR)
- Masjid Wilayah Persekutuan
- Kolej Matrikulasi Selangor
- Institut Latihan Perindustrian Selandar, Melaka
- Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggung Ibrahim, Larkin, Johor
- Institut Kejuruteraan Medan Tentera Darat (IKEM)
- Pusat Latihan Pembangunan dan Pengembangan Wilayah Selatan, Johor
- Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)
- Institut Latihan Perindustrian Miri, Sarawak
- Mahkamah Miri, Sarawak
- Kolej Komuniti Miri, Sarawak
- Hospital Tuaran, Sabah
- Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu, Kelantan
- Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan
- Hospital Kuala Lumpur
- Institut Penyelidikan Perikanan Rantau Abang, Terengganu
- Akademi Bomba dan Penyelamat Wilayah Timur, Terengganu
- Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu
- Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu
- Politeknik Kota Kinabalu
- Kolej Tunku Khursiah, Negeri Sembilan
- English Language Training Centre, Nilai
- Kolej Komuniti Jerantut, Pahang
- Mahkamah Seksyen dan Majistret, Ipoh
- Institut Latihan Perindustrian, Ipoh
- Pusat Penyelidikan Mineral (PPM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
- Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Kedah
- Kolej Matrikulasi Kedah
- Kolej Komuniti Ampang, Selangor
- Kolej Komuniti Raub, Pahang
- Hospital Sungai Buloh, Selangor
- Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang
- Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas
- ILKMM (Kejururawatan) Bertam
- Kolej Komuniti Jerantut, Pahang
- Kolej Matrikulasi Perlis
- Institut Tadbiran Awam Negara, Bukit Kiara
- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Putrajaya

LAWATAN KHIDMAT PERUNDINGAN

KE PERPUSTAKAAN AGENSI KERAJAAN & SWASTA 2024 (JANUARI - OGOS 2024)





BKNP JUGA MENERIMA PERMOHONAN KHIDMAT PERUNDINGAN DARIPADA AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA YANG BUKAN GUNA SAMA PNM.

1. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, Ipoh, Perak
2. Yayasan Permata Ummah (YPU), Cyberjaya, Selangor
3. Jabatan Penjara Malaysia
4. Masjid As-Salam Bukit Sentosa, Selangor
5. Baitul Hikmah, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (JMWP)
6. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Dungun, Terengganu
7. Kolej Vokasional Besut, Terengganu
8. Sekolah Kebangsaan Seksyen 27 (2), Shah Alam



SUDUT CERIA DAN MENARIK DI PERPUSTAKAAN



SEGMENT FOKUS PERPUSTAKAAN

PENGENALAN PSS TKC

Kolej Tunku Khursiah mula beroperasi di Bandar Enstek pada tahun 2014 setelah Kolej Tunku Khursiah berpindah daripada Bukit Merbah, Negeri Sembilan ke Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Ruang Pusat Sumber berkeluasan 11,500 persegi dan terletak di tingkat 2 dan 3, Blok Pentadbiran. Kemudahan/perkhidmatan yang disediakan di PSS antaranya Bilik Seminar, Bilik Tayangan, Bilik Perbincangan, Ruang Karel, Ruang Bacaan Santai, Bilik Seminar, Bilik Multimedia, Bilik SALC, Sudut Permainan Tradisional, perkhidmatan pinjaman dan pemulangan buku, perkhidmatan komputer, Internet dan wi-fi, perkhidmatan Pinjaman Peralatan PSS, perkhidmatan OPAC dan sebagainya. Pengguna PSS terdiri daripada Guru dan AKP (120 orang). Pengguna PSS TKC terdiri daripada murid aliran perdana (750 orang) dan murid bagi Program IBDP Diploma seramai 35 orang.

PENGURUSAN PUSAT SUMBER KOLEJ TUNKU KHURSIAH KC



FADZLIN SHAZWA BINTI ANAS
GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA



NORDIANA BINTI AHMAD TAJUDDIN
PENOLONG PUSTAKAWAN S32

PUSAT SUMBER ARAS 1 & 2



PUSAT SUMBER ARAS 1



AKTIVITI PSS @TKC



LAWATAN KE PSS @TKC



LAWATAN PENANDA ARAS DARI DALAM DAN LUAR NEGARA

PERPUSTAKAAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA, JABATAN AKAUNTAN NEGARA

Pusat Pembangunan Profesional (Centre for Profesional Development) Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (IPNCPD) di Cyberjaya ditubuhkan bagi menjadikan IPN sebagai hub Pembangunan Akauntan Profesional di negara ini. Ianya turut berfungsi sebagai Pusat Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam serta tonggak pembangunan profesion perakaunan yang mampan. Pusat ini yang diwujudkan pada tahun 2014 akan terus dibangunkan sebagai pusat kecemerlangan IPN khususnya dan JANM amnya. Perpustakaan Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara, Cyberjaya beroperasi di bangunan Institut Perakaunan Negara. Perpustakaan menyediakan perkhidmatan permohonan ISBN, e-ISBN dan PDP bagi bahan terbitan jabatan seperti monograf dan terbitan bersiri jurnal IPN, perkhidmatan menjawab pertanyaan pegawai seperti APA Citation, DOI Number untuk artikel dan generate maklumat dari SCOPUS Database. Amalan terbaik perpustakaan adalah digitalisasi maklumat menggunakan sumber elektronik atau *digital tools* yang ada untuk membantu pengguna menguruskan perpustakaan iaitu menggunakan *QR CODE* untuk pengunjung mendaftar kehadiran.

LOKASI



PERPUSTAKAAN PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL (IPNCPD), INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA CYBERJAYA

PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL (IPNCPD)
OLEH
PUAN SITI ROHANI BINTI ABDUL HAMID
PEMBANTU PUSTAKAWAN S19

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN



PUSAT SUMBER JABATAN LAUT MALAYSIA

NORHAYATI BINTI RAMLAN
PENOLONG PUSTAKAWAN (S29)

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

PUSAT SUMBER MATRAIN

- Pusat Sumber Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN) atau lebih dikenali sebagai Pusat Sumber (MATRAIN) telah memulakan perkhidmatannya pada 01 April 2009. Pusat Sumber MATRAIN mempunyai keluasan 1248 kaki persegi dan terletak di Aras Bawah, Bangunan Latihan MATRAIN. Pusat Sumber ini juga dilengkapi dengan kemudahan sistem perpustakaan atas talian (V-Lib)



LATAR BELAKANG JABATAN LAUT MALAYSIA

Visi Peneraju Sistem Pengangkutan Maritim. Misi Menetapkan Sistem Pengangkutan Maritim Berdasarkan Pembangunan dan Pemantapan Standard Peringkat Nasional dan Antarabangsa. Moto Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas.	Objektif Memacu Pertumbuhan Maritim Kekayaan Yang Berkualiti Melalui Pemerkasaan Sistem Pengangkutan Maritim Yang Selamat, Sistematis dan Perlindungan Persekitaran Maritim. Fungsi-fungsi Utama Mengawal selia perkapalan, pelabuhan, pelaut dan keselamatan pelayaran. Pemberi perkhidmatan sektor perkapalan, pelabuhan dan keselamatan pelayaran. Pembangunan ekonomi maritim.
---	--

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

Objektif

Pusat Sumber ini diwujudkan bertujuan untuk menyediakan dan mengurus kemudahan perkhidmatan maklumat kepada kakitangan Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan peserta kursus I memenuhi permintaan dan keperluan mereka.




2023

3500 naskah
termasuk buku,
laporan
tahunan dan
bulletin


234 judul
dengan 1
username dan
kata laluan

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

Koleksi e-book



"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"



PERPUSTAKAAN 'BAGAN NAKHODA OMAR' KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM

oleh Puan Siti Fatimah binti Abd Rahim
Penolong Pustakawan S32

Pengenalan

Perpustakaan 'Bagan Nakhoda Omar' merupakan pusat rujukan koleksi maklumat yang berkualiti bagi menyokong keperluan pembelajaran dan pengajaran (pdp) para pelajar serta penyelidikan para pensyarah Kolej Komuniti Sabak Bernam.

Perpustakaan 'Bagan Nakhoda Omar' juga mengadakan pelbagai aktiviti menarik di samping menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan bagi memenuhi keperluan warga kolej.



Aktiviti 2024



- ▶ **31 Januari 2024**
Taklimat Perpustakaan MSK Sesi II 2023/2024
- ▶ **28 Mei 2024**
Lawatan Akademik Ke Pesta Buku Antarabangsa 2024
- ▶ **2 Ogos 2024**
Taklimat Perpustakaan Sesi I 2024/2025
- ▶ **13 Ogos 2024**
Lawatan Penanda Aras Ke Perpustakaan KK Bagan Datuk
- ▶ **17 Januari, 4 April, 4 September & 13 November 2024**
Kaunter Library To You
- ▶ **15 Ogos 2024**
Lawatan Penanda Aras Ke Perpustakaan Daerah Sabak Bernam
- ▶ **28 Ogos 2024**
Kuliz Hari Kemerdekaan
- ▶ **15 Ogos 2024**
Mesyuarat Penutup Audit Dalam EOMS ISO 21001:2018 Tahun 2024
- ▶ **11 September 2024**
Program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat SRN Tahun 2024
- ▶ **4 November 2024**
Lawatan Surveillance Audit 2 EOMS ISO 21001:2018



Pangkalan Data

- ▶ Emerald Insight (JPPKK)
- ▶ IEEE Xplore (JPPKK)
- ▶ u-Pustaka (PNM)
- ▶ Perpustakaan Digital KKS

Kemudahan Perpustakaan

- ▶ Web OPAC
- ▶ Sudut Rehat
- ▶ Sudut Bacaan
- ▶ Sudut Santai
- ▶ Surau
- ▶ Sudut Komputer
- ▶ Loker Barang

Perkhidmatan Perpustakaan

- ▶ Perkhidmatan Sirkulasi
- ▶ Perkhidmatan Pertanyaan Rujukan
- ▶ Perkhidmatan Bilik Perbincangan
- ▶ Perkhidmatan Book Delivery Services
- ▶ Perkhidmatan Pinjaman Kelompok

Aktiviti 2023

- ▶ **1 Februari 2024**
Taklimat Perpustakaan MSK Sesi II 2022/2023
- ▶ **22 Februari 2023**
Lawatan Akreditasi Program DAT (TTAC MBOT)
- ▶ **29 Mac 2023**
Program Ihya' Ramadan KKS 2023/1444 H
- ▶ **30 Mei 2023**
Lawatan Akademik Pesta Buku Antarabangsa
- ▶ **4 Jan, 15 Februari, 1 Mac, 3 Mei, 14 Jun & 21 Julai 2023**
Kaunter Library To You
- ▶ **11 Julai 2023**
Sumbangan Koleksi Buku oleh Perpustakaan Negara Malaysia
- ▶ **11 Julai 2023**
Lawatan Penanda Arasan ke Perpustakaan Kuala Lumpur
- ▶ **24 Ogos 2023**
Lawatan Penanda Arasan daripada Kolej Komuniti Ampang
- ▶ **25 Ogos 2023**
Taklimat Perpustakaan MSK Sesi I 2023/2024

PERPUSTAKAAN INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA LUMPUR

Perpustakaan Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILPKL) yang terletak di Jalan Kuchai, Kuala Lumpur mempunyai dua (2) orang Pembantu Pustakawan iaitu Puan Suzilawati binti Mohamad Nadzir dan Puan Asnaini binti Mohamad. Pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan untuk menarik minat staf dan pelajar berkunjung ke Perpustakaan ILPKL.

Terima kasih kepada Bahagian Gerakan Literasi Maklumat (BGLM) dan Bahagian Pembangunan Koleksi (BPK) kerana sudi menyumbangkan sejumlah buku dan cenderahati untuk program-program Perpustakaan ILPKL di sepanjang tahun 2024 ini. Kami juga sempat ke Bahagian Peminjaman Berkelompok (BPB) sebanyak 4 kali untuk membuat proses sirkulasi peminjaman bagi siri 1/2024.



Program Tadarus & Khatam Al Quran telah diadakan pada 4 April 2024 (Khamis) di Surau Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur. Staf dan pelajar turut terlibat dalam program ini.

Program Jom Baca Bersama Selama 10 Minit bagi tahun 2024. Sekalung penghargaan diucapkan kepada YBrs. Puan Pengarah ILPKL, Ts. Nor Ayana binti Mokhtar di atas kesudian beliau untuk merasmikan program JBB pada tarikh 26 April 2024 (Jumaat) pukul 9 pagi - 11.00 pagi di Bilik Seminar 1.



Destinasi pilihan pertama untuk program Perpustakaan ILPKL tahun ini ialah bertempat di Nusurul Quran, Presint 14, Putrajaya (28/2/2024). Ia merupakan pusat percetakan Al-Quran yang kedua terbesar di dunia selepas Pusat Percetakan Al-Quran Al-Malik Fahd.

Program World Quran Hour #Sejam Bersama Al-Quran telah berlangsung pada hari Jumaat, 29 March 2024 bersamaan 18 Ramadan 1445H bertempat di Surau Jumaat ILPKL.



Lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) kali ke-41 yang bertempat di WTCKL 28 Mei 2024 (Selasa).

Lawatan ke Kilang Gardenia Bakeries, Shah Alam pada 4 Jun 2024.

Lawatan sambil belajar ke Menara Kuala Lumpur pada 12 September 2024 (Khamis).

Sesi libat urus di antara Perpustakaan ILPKL bersama Penolong Pengarah BKNP, Perpustakaan Negara Malaysia, Encik Mohd Hisham bin Daud dan Puan Nurulhiza binti Jip (Pembantu Pustakawan) dan seorang pelajar INTERN UiTM pada 3 Oktober 2024 (Khamis). Terima kasih kerana berkongsi pengalaman.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNA SAMA

PROGRAM JOM KONGSI @ ILMU

BICARA BUKU

THE KEEPER OF MY KIN

RUARI 2024 (KHAMIS)

PAGI HINGGA 12.30 TENGAH HARI

ISTAKAAN JPA

INA CHRISTMAS

BUKU THE KEEPER OF MY KIN

PERPUSTAKAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

03-8885 3263 / 3617 / 3262 library@jpa.gov.my

Perpustakaan Perubatan HSA

BENGKEL BIBLIOTERAPI : MERDEKAKAN MINDA

KHAMIS, 22 OGOS 2024
MASA : 8:30AM - 3:30PM
PLATFORM : DALAM TALIAN

Penceramah : **RAMLAN BIN RAMLI**

Pemangkin Pegawai Psikologi
Kanan
Penjara Sg. Buloh

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Bicara KEMERDEKAAN

"Jiwa Merdeka : Manuskrip Melayu Menandai Kegemilangan Peradaban Islam"

Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia Peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2024

DEWAN JAMUAN KPT, ARAS 1
15 OGOS 2024 (KHAMIS)
10.30 PAGI - 1.00 PETANG

Semua warga KPT dijemput hadir

Encik Faizal Hilmie bin Yusof
KETUA PUSTAKAWAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MALAYSIA MADANI

Pertandingan VIDEO ULASAN BUKU

26 APRIL 2024 - 26 MEI 2024

SEMPENA SAMBUTAN HARI BUKU DAN HAK CIPTA SEDUNIA DAN DEKAD MEMBAKA KEBANGSAAN PERINGKAT KEMENTERIAN KOMUNIKASI

SYARAT UMUM PERTANDINGAN

- Durasi video tidak melebihi 10 (10) minit.
- Terdapat kepada semua warganegara Malaysia berumur 15 - 39 tahun.
- Pemilihan video akan diadakan.
- Seluruh peserta hanya boleh mengupload 1 (satu) video sahaja.
- Terdapat sekurang-kurangnya 1 (satu) minit video yang menunjukkan persembahan yang telah dihasilkan.
- Semua video mesti diupload ke platform media sosial, i.e. Facebook, Instagram atau TikTok.
- Hasil video mesti diupload ke platform media sosial (publik) untuk penilaian juri (posting).
- Jamuan akan diadakan di Kementerian dan Kebudayaan.
- Kandungan video dan gambar yang tidak bertepatan dengan tema pertandingan akan disingkirkan.
- Berikut tertera dan syarat-syaratnya di kod QR.

HADIAH

PERTAMA	RM800.00
KEDUA	RM600.00
KETIGA	RM500.00
SAGU HATI	RM150.00

Barang Pemenang

MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI:
03-8917882 (Isnin - Jumaat) | pengik@komunikasi.gov.my

Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan P

KONGSI @ ILMU

RA MISI BAKARA
DARI **KISAH SEBENAR**

AKAN DI BAWA KHAS KEPADA WARGA

KH : 22 OGOS 2024 (KHAMIS)
SA : 10:30 PAGI HINGGA 12:30 TENGAH HARI
PAT : PERPUSTAKAAN JPA

LT. KOL. (B) KAMAL IDRIS JOHA
#bangsamembaca

PERPUSTAKAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

03-8885 3263 / 3617 / 3262

MINIMAL ?

PROGRAM DISKUSI FIQH MUSLIMAT:

"PERMASALAHAN HAID, NIFAS & ISTIHADAH"

03 SEPTEMBER 2024 | AUDITORIUM HA
8.00 PAGI - 1.30 TENGAH HARI

Penceramah : **YBrs. Dr. Hajah Kartina binti Tawang**

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

Anggaran : Pejabat Agama Daerah Hulu Langat Rakan Strategik Hospital Ampang

IMBAS KOD QR UNTUK BORANG MAKLUM BALAS KEHADIRAN PESERTA PROGRAM.

Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Program Diskusi Fiqh Muslimat: "Permasalahan Haid, Nifas & Istihadah" dan semoga usaha ini diberkati Allah!

PROGRAM CHIT CHAT BUKU SIRI 3

Sejarah Rasul Ulul Azmi Terbesar

USTAZ AMMAD KHALID OSMAN

ENCIK MAZLAN ABD MUTALIB

1 Ogos 2024, Khamis
11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Aras 4, Pusat Sumber
Kementerian Komunikasi

Kementerian Komunikasi

Pusat Sumber
Kementerian Kom
Tel: 03-8885 3263 / 3617 / 3262

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA PERINGKAT JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA TAHUN 2024

MALBAT MISI BAKARA

23 OGOS 2024

9:30 PAGI - 12:00 TENGAH HARI

AUDITORIUM JPA, ARAS 4, BLOK C1, PUTRAJAYA

#MalaysiaMADANI #MalaysiaMERDEKA #malbatmisisbakara #jiwamerdeka

PERKHIDMATAN AWAM

03-8885 3263 / 3617 / 3262

PERTANDINGAN MENULIS ANEKDOT KEMERDEKAAN 2024

TEMA: **JIWA MERDEKA**

TARIKH PENYERTAAN: 20 OGOS - 10 OKTOBER 2024

MENANGI HADIAH

Pertama: RM800.00
Kedua: RM600.00
Ketiga: RM400.00

TERBUKA KEPADA SEMUA WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR 15 - 45 TAHUN

SYARAT PENYERTAAN

BORANG PENYERTAAN

PUSAT SUMBER KEMENTERIAN KOMUNIKASI

03-8917882

Tinta Pustakawan

Bagaimana Menjadi Pustakawan Akademik Politeknik yang Hebat

Mohamad Nor Izzat bin Mohamad Yasin

Ketua Pustakawan (S44)

Pusat Sumber Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Pustakawan di politeknik memainkan peranan penting dalam menyokong proses pembelajaran dan penyelidikan pelajar dan pensyarah. Untuk menjadi pustakawan yang hebat, seseorang perlu memiliki kemahiran yang unik dan sikap yang positif yang dapat meningkatkan nilai dan keberkesanan peranannya dalam komuniti akademik. Berikut adalah beberapa ciri dan langkah yang perlu diambil untuk menjadi seorang pustakawan politeknik yang hebat.



Kuasai Pengetahuan dalam Bidang Informasi dan Teknologi

Perpustakaan kini tidak lagi terbatas kepada buku fizikal semata-mata. Dengan perkembangan teknologi, pustakawan harus menguasai kemahiran teknologi maklumat untuk mengurus pangkalan data, sistem pengurusan perpustakaan digital dan sumber elektronik. Pustakawan perlu mahir dalam mencari, menilai dan mengurus maklumat digital supaya dapat membantu pelajar dan pensyarah mencari sumber yang diperlukan dengan cepat dan mudah.

Sebagai contoh, pustakawan yang hebat akan tahu cara untuk menggunakan katalog perpustakaan berkomputer, sistem pangkalan data seperti EBSCOhost atau ProQuest serta laman-laman akademik terbuka yang dapat memberi akses kepada sumber yang lebih meluas. Penguasaan dalam teknologi ini akan membantu pustakawan untuk memenuhi permintaan maklumat dari pengguna perpustakaan secara efisien dan berkualiti.

Memahami Keperluan Komuniti Akademik

Setiap politeknik mempunyai bidang fokus dan kursus yang berbeza. Oleh itu pustakawan yang hebat harus memahami keperluan akademik komuniti mereka. Mereka perlu sentiasa berinteraksi dengan pensyarah, pelajar dan kakitangan untuk memahami sumber yang diperlukan dalam bidang masing-masing.

Contohnya, pustakawan boleh mengadakan sesi perjumpaan dengan jabatan akademik untuk mengenal pasti bahan bacaan yang relevan serta membantu merancang dan melaksanakan program literasi maklumat. Pustakawan yang memahami keperluan pengguna mereka akan dapat menyediakan koleksi yang lebih relevan dan mendalam, serta memperkenalkan sumber-sumber yang berguna dalam pembelajaran dan penyelidikan mereka.

Kemahiran Komunikasi dan Layanan Mesra

Pustakawan yang hebat perlu memiliki kemahiran komunikasi yang baik dan sikap ramah agar pengguna perpustakaan merasa selesa untuk meminta bantuan. Ini termasuk keupayaan untuk mendengar dengan teliti, memahami kehendak pengguna dan memberikan penjelasan yang mudah difahami.

Sebagai contoh, apabila pelajar menghadapi kesukaran mencari bahan untuk tugas, pustakawan yang hebat akan mendekati pelajar dengan senyuman, mendengar keperluan mereka dan memberikan panduan dengan jelas dan terperinci. Layanan mesra dan sopan akan membuatkan pengguna berasa dihargai dan akan mendorong mereka untuk kembali menggunakan perkhidmatan perpustakaan.



Sokongan dalam Pembangunan Literasi Maklumat

Pustakawan politeknik yang hebat juga bertindak sebagai pendidik, membantu pelajar dan kakitangan meningkatkan literasi maklumat mereka. Literasi maklumat bukan sahaja melibatkan kemampuan mencari maklumat, tetapi juga menilai, menggunakan dan mengurus maklumat dengan berkesan. Ini adalah kemahiran yang sangat penting dalam era digital, di mana maklumat boleh diakses dengan mudah tetapi tidak semuanya sah atau relevan.

Pustakawan boleh mengadakan bengkel atau kursus pendek yang mengajarkan pelajar cara menilai sumber maklumat dengan kritis, mengelakkan maklumat palsu dan mengutip sumber dengan betul. Latihan ini akan membekalkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam akademik dan kehidupan mereka.

Sentiasa Menambah Ilmu dan Membangun Kemahiran

Perkembangan dunia pendidikan dan teknologi memerlukan pustakawan untuk sentiasa belajar dan mengemas kini ilmu serta kemahiran mereka. Menghadiri seminar, bengkel atau kursus jangka pendek dalam bidang teknologi perpustakaan, pengurusan maklumat atau bidang-bidang lain yang berkaitan adalah penting bagi pustakawan untuk menambah ilmu dan menjadi lebih relevan dalam profesion mereka. Sebagai contoh, pustakawan boleh mengikuti kursus dalam pengurusan perpustakaan digital, analisis data perpustakaan atau teknologi realiti maya yang boleh digunakan untuk memperkayakan pengalaman pustakawan. Pembelajaran yang berterusan membolehkan pustakawan memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti politeknik.

Menjadi Inspirasi dan *Role Model* untuk Pengguna Perpustakaan

Akhir sekali, pustakawan yang hebat seharusnya menjadi seorang yang dihormati dan dapat memberikan inspirasi kepada pengguna perpustakaan. Dengan menunjukkan semangat dalam kerja, ketekunan dalam mencari maklumat dan komitmen dalam membantu orang lain, pustakawan dapat menjadi contoh yang baik kepada pelajar dan kakitangan.



Pustakawan yang bersikap positif dan berdedikasi tinggi akan menggalakkan pengguna untuk turut mengambil inspirasi dalam pencarian ilmu. Kehadiran pustakawan yang berkualiti ini bukan sahaja memperkayakan perpustakaan tetapi juga mempengaruhi budaya pembelajaran dan pengetahuan dalam politeknik itu sendiri.

Kesimpulan

Menjadi pustakawan akademik yang hebat di politeknik bukanlah satu tugas yang mudah. Ia memerlukan kemahiran teknikal, pemahaman terhadap komuniti akademik, komunikasi yang baik dan dedikasi untuk memperbaiki diri. Dengan memenuhi ciri-ciri ini, seorang pustakawan bukan sahaja dapat memberikan sokongan yang baik kepada pelajar dan pensyarah, tetapi juga dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam membentuk budaya pembelajaran yang berkesan dan bermakna dalam institusi pendidikan.



Perpustakaan dan Kelestarian Alam

Oleh:

Mohamad Fadzili bin Baharin,
Pustakawan

Perpustakaan Perubatan, Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban

Kelestarian alam pada hari ini adalah topik yang sangat penting dan sering dibincangkan. Perpustakaan sebagai sebuah organisasi turut sama mempunyai tanggungjawab untuk dimainkan dalam kelestarian alam. Melalui sumbangan yang berterusan kepada kelestarian, perpustakaan bukan sahaja membantu melindungi alam sekitar, tetapi juga menambah nilai kepada perkhidmatan mereka sendiri. Apakah langkah-langkah kelestarian yang boleh disumbangkan oleh perpustakaan?.

Program Kesedaran Kelestarian Alam

Dalam dekad kebelakangan ini, perpustakaan dari pelbagai peringkat telah menunjukkan komitmen dan sumbangan kepada kelestarian alam. Jika dahulunya perpustakaan hanya menyokong dalam kempen kelestarian alam namun kini terdapat perpustakaan yang mewujudkan program kesedaran tentang kelestarian dengan mengadakan aktiviti pendidikan alam sekitar dan program amalan lestari. Penglibatan perpustakaan bukan hanya di peringkat organisasi sahaja malahan juga melibatkan sehingga keseluruhan komuniti masyarakat. Melalui agensi-agensi perpustakaan awam, perpustakaan komuniti dan perpustakaan desa program kesedaran kelestarian alam boleh dijadikan sebagai platform kesedaran kelestarian alam.

Antara inisiatif perpustakaan yang boleh dijadikan contoh ialah Perpustakaan Awam Lembaga Kemajuan Bintulu (PABDA). PABDA mengambil inisiatif kelestarian alam sebagai aktiviti bagi memastikan perkhidmatan perpustakaan kekal relevan kepada masyarakat. Menurut artikel yang dipetik dari rakansarawak.com (2023), PABDA pada tahun 2022 telah menganjurkan program keterlibatan bersama komuniti iaitu program kesedaran pemuliharaan orkid spesies Sarawak. Program ini merupakan inisiatif melestarikan sumber alam dan mengkomersialkan serta merancang pembangunan industri florikultur orkid tempatan.

Literasi Kelestarian Alam

Amalan kelestarian alam yang biasa dan masih dipraktikkan di mana-mana organisasi termasuk perpustakaan adalah seperti aktiviti kitar semula dan mengurangkan penggunaan kertas. Namun, perpustakaan itu sendiri juga boleh bertindak sebagai pendidik untuk mempromosikan literasi kelestarian alam. Jika dahulunya perpustakaan bertindak sebagai penyokong kepada aktiviti, tetapi kini perpustakaan mampu untuk memainkan peranan penting sebagai pendidik dan penggerak kepada aktiviti kelestarian alam. Tambahan lagi perpustakaan juga boleh melibatkan diri kepada aktiviti penyelidikan yang melibatkan kelestarian alam. Kepakaran pegawai-pegawai perpustakaan dalam pendidikan literasi boleh diguna pakai untuk menyalurkan ilmu dan maklumat tentang kelestarian alam ke seluruh masyarakat melalui agensi-agensi seperti perpustakaan awam, perpustakaan komuniti dan perpustakaan desa. Perpustakaan juga boleh bekerjasama dengan agensi atau mana-mana Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk merancang program literasi kelestarian alam kepada komuniti melalui perpustakaan.

Memaksimumkan Sumber Digital

Perpustakaan boleh menawarkan lebih banyak e-buku, jurnal dalam talian, dan media digital untuk kelestarian alam. Tambahan lagi, perpustakaan juga dapat mengurangkan keperluan untuk bahan fizikal dan sumber yang diperlukan untuk menghasilkan, mengangkut, dan menyimpannya. Ruangan perpustakaan sedia ada yang menempatkan buku fizikal boleh dipelbagaikan kepada penggunaan mengikut keperluan semasa antaranya menawarkan pelbagai ruang untuk aktiviti yang berbeza merangkumi kawasan bacaan yang tenang, ruang perbincangan dan persekitaran seperti kedai kopi.



Selain daripada langkah-langkah kelestarian yang dibincangkan di atas, masih banyak lagi inisiatif yang boleh dilakukan untuk kelestarian alam. Langkah-langkah yang dibincangkan di atas lebih mudah dan realistik untuk dilaksanakan. Namun, sekiranya perpustakaan merancang untuk lebih ke hadapan boleh juga mengambil kira beberapa inisiatif seperti mereka bentuk bangunan baharu perpustakaan yang mesra alam dan juga melengkapkan bangunan perpustakaan dengan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui seperti tenaga suria untuk mengurangkan ketergantungan kepada hidroelektrik dan penggunaan tenaga fosil. Namun kos untuk inisiatif-inisiatif ini adalah besar dan memerlukan perancangan rapi untuk dilaksanakan. IFLA (2024) di dalam artikel yang bertajuk "The IFLA Guidelines for Green and Sustainable Libraries" juga bakal mengeluarkan garis panduan profesional atau piawaian antarabangsa untuk membangunkan perpustakaan yang melestarikan alam. IFLA juga aktif dalam memberikan penganugerahan untuk "Green Library Award" kepada organisasi yang aktif dalam inisiatif kelestarian alam.

Kelestarian alam adalah tanggungjawab bersama. Perpustakaan boleh menjadikan kelestarian alam sebagai isu yang boleh menonjolkan kemampuan perpustakaan dan kemahiran pegawai-pegawai perpustakaan dalam menyumbang sesuatu kepada masyarakat. Ini bukanlah sesuatu perkara yang baharu diluar negara, malahan sudah menjadi tren perpustakaan di sana menginspirasi komuniti untuk kesedaran mengenai kelestarian alam. Malaysia juga perlu seiring dengan tren ini kerana ianya akan memberikan impak yang baik terhadap keberadaan perpustakaan dalam komuniti.

Rujukan:

Sustainability is Libraries' Business: Libraries and Sustainable Development. (IFLA)(2018). ifla.org.
<https://repository.ifla.org/items/bb1a2d0d-e8d0-4869-b10e-6838de9045ce>

International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA). (2024). 9th IFLA Green Library Award 2024 Results. ifla.org.
<https://www.ifla.org/news/9th-ifla-green-library-award-2024-results/>

Usaha Memastikan Perkhidmatan Perpustakaan Kekal Relevan. (2023, April 26). Rakansarawak.com.
<https://www.rakansarawak.com/v3/2023/04/26/usaha-memastikan-perkhidmatan-perpustakaan-kek-relevan/>

Penulisan Artikel Terpilih



Tajuk Artikel:

Navigating the Dreamscape: Examining the Reliability of Dream Interpretations

Pengarang:

Farah Syuhada Mohd Fauzi, Nur Amalia Yusrina
Muhamad Yusri, Nordiana Mohd Nordin & Rabiah Mohd Ali

Jurnal:

Ideology Journal

URL:

<https://idealogyjournal.com/ojs/index.php/idealogy/article/view/651>

Mohd Fauzi, Farah Syuhada et al. Navigating the Dreamscape: Examining the Reliability of Dream Interpretations. *Ideology Journal*, [S.l.], v. 9, n. 2, Sep. 2024.

Abstract

This paper delves into the fascinating and mysterious world of dreams, exploring their significance through a variety of cultural, historical, and philosophical lenses. At the heart of our study are the Kitab Ta'bir Mimpi Manuscripts, a cornerstone of Malay tradition, which offer profound insights into the ancient practice of dream interpretation. By examining the historical context and cultural relevance of these manuscripts, the study aims to uncover the foundational principles that have guided Malay dream symbolism for centuries. The research not only evaluates the dependability of these traditional interpretations but also enriches them by drawing on the wisdom of scholars, philosophers, and other historical sources. This allows us to illuminate the diverse meanings and symbolisms that dreams have held in different cultural settings. Furthermore, by juxtaposing these traditional interpretations with contemporary psychological theories on dreaming, the study strives to bridge the gap between age-old wisdom and modern scientific inquiry. Ultimately, the study provides a comprehensive exploration of how dreams have been understood and interpreted across time, cultures, and intellectual traditions, offering a deeper understanding of this enigmatic aspect of human experience.



Tajuk Artikel:

Penilaian Pengurusan Perkhidmatan Pusat Sumber IPGK Perempuan Melayu : Satu Kajian Tinjauan

Pengarang:

Abdullah bin Yahya, Hadi Mohd Nasrudin bin Ali, Sejalih bin Paiema, Nurul Ain binti Yusof dan Shanthini a/p Konasegaram

Jurnal:

Jurnal Akademik IPGK PM Jilid 28 November 2024

URL:

<https://g-rep.moe.edu.my/jspui/handle/123456789/212>

Abdullah bin Yahya, Hadi Mohd Nasrudin bin Ali, Sejalih bin Paiema et al. Penilaian Pengurusan Perkhidmatan Pusat Sumber IPGK Perempuan Melayu: Satu Kajian Tinjauan. Jurnal Akademik IPGK PM Jilid 27 November 2023. ISSN 1394-3499.

Abstrak

Kajian ini menilai tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan Pusat Sumber di IPG Kampus Perempuan Melayu. Data kuantitatif dikumpul melalui soal selidik dalam talian yang mengukur kepuasan terhadap kemudahan fizikal, kekuatan koleksi, dan perkhidmatan pusat sumber. Dapatan menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi secara keseluruhan, khususnya terhadap perkhidmatan yang disediakan. Walau bagaimanapun, kekuatan koleksi dilihat sebagai kurang memuaskan. Kajian ini mencadangkan peningkatan koleksi, promosi perkhidmatan, dan peningkatan akses digital untuk meningkatkan pengalaman pengguna. Batasan kajian termasuk saiz sampel dan penggunaan data kuantitatif sahaja.

Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur
T. 603 2687 1700 F. 603 2694 2490

www.pnm.gov.my
www.u-pustaka.gov.my



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

eISSN 3030-6418

